

08/04/2001

Puteri Umno tidak ancam Wanita

IPOH: Penubuhan Puteri Umno tidak akan mengancam kedudukan dan perjalanan Pergerakan Wanita Umno kerana kedua-dua organisasi itu adalah aset penting parti dan saling memerlukan.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Puteri Umno mestilah bergerak cergas menarik kemasukan ahli baru, khususnya wanita muda untuk menyertai pergerakan politik berkenaan.

Beliau berkata, tidak wajar Puteri Umno mengambil wanita berusia kurang 35 tahun yang sudah menganggotai Pergerakan Wanita Umno kerana matlamat utama penubuhan Puteri Umno ialah menarik lebih ramai wanita muda menjadi ahli parti.

Katanya, Umno juga akan memberi pilihan kepada wanita berumur 35 tahun ke bawah sama ada mahu menyertai Puteri Umno atau terus kekal dalam Wanita Umno.

"Kita beri peluang kepada wanita berumur 35 tahun ke bawah memilih sama ada mereka nak jadi Puteri Umno atau Wanita Umno.

"Tapi kalau ambil dari Wanita sekarang, tak adalah pertambahan. Kita nak pertambahan bagi ahli sebab itu Ketua Wanita (Datuk Seri Rafidah Aziz) berpendapat supaya jangan ambil wanita muda untuk buat satu lagi kumpulan," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Mengenai perjumpaan beliau dengan Jawatankuasa Penaja Puteri Umno Perak, pagi semalam, Dr Mahathir berkata, beliau menjelaskan betapa perlunya Puteri Umno ditanamkan semangat perjuangan dan tradisi Umno supaya mereka menjadi pelapis kepada pemimpin sekarang.

Pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno minggu lalu, Dr Mahathir mengumumkan pelantikan Azalina Othman Said, 37, sebagai Ketua Penaja Puteri Umno.

Azalina yang juga ahli MT berkata, selepas ini beliau akan memanggil mesyuarat dengan jawatankuasa penaja Puteri Umno.

(END)